



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERSEDIAAN KUALITI DIRI GURU PELATIH
PENDIDIKAN ISLAM UNIVERSITI PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS (UPSI)

NAJAH BINTI ABDUL RAHIM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PERSEDIAAN KUALITI DIRI GURU PELATIH PENDIDIKAN ISLAM
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)

NAJAH BINTI ABDUL RAHIM



Latihan ilmiah ini dikemukakan sebagai keperluan bagi memenuhi syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan

(Pendidikan Islam)

JABATAN PENGAJIAN ISLAM
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپسي ايدريس
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 30 (hari bulan) 1 (bulan) 2022.

i. Perakuan pelajar :

Saya, NAJAH BINTI ABDUL RAHIM, D20191089231, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Persediaan Kualiti Diri Guru Pelatih Pendidikan Islam Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penelia:

Saya, Dr Wan Muhammad Habsuddin b Wan Abd Halim (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Persediaan kualiti diri guru pelatih Pendidikan Islam Universiti Pendidikan Sultan Idris

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

30/1/2022

Tarikh

DR. WAN MUHAMMAD HABSUDDIN B. WAN ABD HALIM
Pensyarah
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala pujian bagi Allah serta selawat junjungan ke atas baginda Nabi Muhammad SAW. Syukur ke hadrat ilahi kerana diberikan kekuatan kepada diri untuk menghasilkan kajian saya iaitu Persediaan Kualiti Diri Guru Pelatih Pendidikan Islam Universiti Pendidikan Sultan Idris UPSI. Terima kasih banyak saya ucapkan kepada pensyarah penyelia bagi Projek Tahun Akhir FYP iaitu Dr. Wan Muhammad Hafizuddin Bin Wan Abd Halim yang banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar sehingga dapat menghasilkan kajian ini. Terima kasih juga buat pensyarah penyelaras FYP iaitu Dr. Samsuddin Bin Abd Hamid kerana sentiasa memaklumkan dan membuat hebahan info berkenaan FYP. Terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah Jabatan Pengajian Islam UPSI yang sudi memberi bimbingan, tunjuk ajar dan pandangan dalam menyempurnakan FYP. Terima kasih juga buat rakan seperjuangan yang tidak berputus asa mengkongsikan idea dan saling memberi pandangan dalam menyempurnakan kajian FYP yang terbaik. Terima kasih atas sokongan dan semangat yang diberikan sepanjang dalam menyiapkan FYP. Terima kasih juga buat ibu bapa dan keluarga tercinta yang selalu bertanya khabar, mendoakan kesejahteraan serta mendoakan supaya dapat menyiapkan FYP.

Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Berdasarkan kajian lepas, terdapat isu guru pelatih kurang pengetahuan dan terlalu bergantung pada buku teks. Kebanyakan guru pelatih masih belum bersedia dalam menjalani Latihan Mengajar (LM). Terdapat juga guru pelatih yang melanggar tatasusila perguruan menunjukkan perilaku tidak baik. Antara objektif kajian ini adalah mengenal pasti keterampilan dan keperibadian Guru Pelatih Pendidikan Islam (GPPI) ketika menjalani LM di sekolah. Kedua adalah mengkaji keupayaan dan minat GPPI dalam menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran. Ketiga pula adalah menilai penguasaan GPPI dalam pengurusan pembelajaran. Antara kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian adalah kuantitatif menggunakan instrument borang selidik, kemudian diedarkan responden kalangan GPPI semester 7 yang telah menjalani LM daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Seramai 82 GPPI yang mengisi borang soal selidik dan dapatan kajian dapat dikumpulkan. Hasil dapatan kajian bagi keterampilan dan keperibadian diri mencapai skor min sebanyak 4.55. Kedua, dapatan kajian bagi keupayaan dan minat menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran mencapai skor min sebanyak 4.00. Seterusnya, dapatan kajian bagi penguasaan dalam pengurusan pembelajaran dengan skor min sebanyak 4.56. Keseluruhan dapatan kajian menunjukkan berada skor min pada tahap tinggi. Antara implikasi kajian adalah dapat membantu GPPI membuat persediaan sebelum menjalani alam perguruan. Kesannya juga memudahkan pihak sekolah kerana mendapat GPPI dalam menguruskan segala perkara berkaitan sekolah.

Kata kunci : Persediaan, guru pelatih, Pendidikan Islam, Latihan Mengajar, kualiti diri



SELF-QUALITY PREPARATION OF ISLAMIC EDUCATION TRAINEE TEACHERS AT THE UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)

ABSTRACT

Based on previous studies, there is an issue with trainee teachers lacking knowledge and relying too much on textbooks. The majority of trainee teachers are still not ready to begin Latihan Mengajar (LM). There are also trainee teachers who violate teaching ethics and engage in inappropriate behavior. Among the objectives of this study is to identify the skills and personality of Islamic Education Teacher Trainers (GPPI) when students are undergoing LM at school. The second is to study GPPI's ability and interest in increasing knowledge and skills. The third is to evaluate GPPI's mastery of learning management. The quantitative research method used in the study was a questionnaire instrument, which was then distributed among GPPI semester 7 respondents who had completed LM from Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). A total of 82 GPPIs filled out the questionnaire, and the findings of the study were collected. The results of the study for personal skills and personality reached a mean score of 4.55. Second, the research findings for the ability and interest in adding knowledge and skills reached a mean score of 4.00. Next, the study findings for mastery in learning management had a mean score of 4.56. The overall findings of the study show that the mean score is at a high level. Among the implications of the study is that it can help GPPI prepare before entering the teaching world. The effect also makes it easier for the school to get GPPI for managing all school-related matters.



ISI KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii



1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan masalah	5
1.4 Kerangka Teoritikal	9
1.5 Objektif Kajian	11
1.6 Soalan Kajian	12
1.7 Kepentingan Kajian	12
1.8 Batasan kajian	12
1.9 Definisi Istilah	13



1.10 Penutup	16
--------------	----

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	17
----------------	----

2.2 Konsep Kualiti Guru	18
-------------------------	----

2.3 Persediaan Guru Pelatih	22
-----------------------------	----

2.4 Keperibadian Guru Pelatih dalam Latihan Mengajar	23
--	----

2.5 Pengetahuan Sedia Ada dalam Diri Guru Pelatih	27
---	----

2.6 Penguasaan Guru Pelatih dalam Pengurusan Pembelajaran	29
---	----

2.7 Kajian Lepas	33
------------------	----

2.7.1 Persediaan Guru Pelatih Pendidikan Islam	33
--	----

Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Bagi Memenuhi Keperluan Modal Insan

2.7.2 Tahap Profesionalisme Guru-Guru Pelatih	34
---	----

Pendidikan Islam Dalam Latihan Praktikum

2.7.3 Persediaan Kualiti Diri Siswa Guru Pendidikan	
---	--

Islam Melalui Konsep 5 MIM Dalam

Program Pendidikan Inklusif Di Sekolah	35
--	----

2.8 Penutup	36
-------------	----

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	37
3.2 Reka Bentuk Kajian	38
3.2.1 Soal Selidik	39
3.3 Lokasi dan Sampel Kajian	39
3.4 Instrumen Kajian	42
3.5 Kajian Rintis	44
3.6 Nilai Kebolehpercayaan Instrumen	45
3.7 Kesahan Instrumen Kajian	47
3.8 Prosedur Penganalisan Data	48
3.9 Penutup	49

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	50
4.2 Analisis Demografi Responden	51
4.3 Analisis Deskriptif	55
4.3.1 Keterampilan Dan Keperibadian Guru Pelatih	55
4.3.2 Keupayaan Dan Minat Guru Pelatih	61

Menambah Ilmu Pengetahuan

Dan Kemahiran



4.3.3 Penguasaan Guru Pelatih Dalam	67
-------------------------------------	----

Pengurusan Pembelajaran

4.4 Penutup	72
-------------	----

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	73
----------------	----

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	73
---------------------------------	----

5.2.1 Keterampilan Dan Keperibadian Guru Pelatih	74
--	----

5.2.2 Keupayaan Dan Minat Guru Pelatih	75
--	----

Menambah Ilmu Pengetahuan Dan Kemahiran

5.2.3 Penguasaan Guru Pelatih Dalam	76
-------------------------------------	----

Pengurusan Pembelajaran

5.3 Implikasi Kajian	78
----------------------	----

5.4 Kajian Lanjutan	80
---------------------	----

5.5 Penutup	81
-------------	----

Rujukan	82
---------	----

Lampiran	87
----------	----

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka surat
3.1	Jadual Penentuan saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)	41
3.2	Soal Selidik Responden	43
3.3	Skala Likert	44
3.4	Panduan Tahap Nilai Pekali Alfa (Alpha Cronbach)	46
3.5	Nilai Pekali Kebolehpercayaan Kajian Rintis	47
3.6	Interpretasi Skor Purata Min	49
4.1	Demografi Sampel Mengikut Jantina	51
4.2	Demografi Sampel Mengikut Kelulusan Akademik	52
4.3	Jumlah Waktu Pengajaran LM1	53
4.4	Keputusan Gred LM1	54
4.5	Keterampilan Dan Keperibadian Guru Pelatih	55
4.6	Keupayaan Dan Minat Guru Pelatih Menambah Ilmu	61
	Pengetahuan Dan Kemahiran	
4.7	Penguasaan Guru Pelatih Dalam Pengurusan Pembelajaran	67





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1

Kerangka teori kajian

10



**SENARAI SINGKATAN**

Singkatan	Huraian
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
GPPI	Guru Pelatih Pendidikan Islam
LM	Latihan Mengajar
PPG	Program Perantis Guru
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PAK-21	Pembelajaran Abad ke-21
SPSS	Statistical Package for The Social Sciences
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
BBM	Bahan Bantu Mengajar





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan



Tajuk kajian yang dipilih ialah Persediaan Kualiti Diri Guru Pelatih Pendidikan Islam Universiti Pendidikan Sultan Idris UPSI. Sebagai mahasiswa yang mengambil bidang pendidikan dan bakal guru, pengkaji memilih tajuk ini sebagai kajian kerana berkait rapat tugas hakiki. Pengkaji juga lebih cenderung mendalami kajian ini kerana telah menjalani Latihan Mengajar 1 LM1. Pelbagai data yang boleh dikumpulkan dan menjadi rujukan buat guru pelatih untuk membuat penambahbaikan diri yang lebih baik.

Guru pelatih UPSI perlu menjalani beberapa peringkat untuk memantapkan persediaan dan melatih diri dalam perguruan. Sebagai contohnya, guru pelatih perlu menjalani Program Perantis Guru PPG dan LM. PPG adalah memberi gambaran awal



kepada guru pelatih dalam institusi pendidikan dan peranan guru seperti tingkah laku murid, pengurusan sekolah dan bilik darjah. LM merupakan pengalaman yang perlu dipraktikkan guru pelatih seperti melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran PdP dan aktiviti kokurikulum.

Antara sebab kajian dilaksanakan kerana pengkaji mendapati isu guru pelatih kurang pengetahuan untuk disampaikan kepada murid-murid. Seorang guru perlulah memperbanyakkan maklumat tentang sesuatu tajuk yang diajarkan dan bukan sahaja bergantung kepada buku teks. Guru pelatih perlulah melakukan persediaan yang rapi dalam menyampaikan ilmu bagi sesuatu topik diajarkan supaya mencapai objektif pembelajaran.

Terdapat juga isu guru melanggar tatasusila perguruan menyebabkan maruah seorang guru dan sekolah tersebut terjejas. Sebagai contohnya, guru pelatih tidak hadir ke sekolah tanpa mengemukakan sebarang alasan semasa menjalani Latihan Mengajar. Kesannya boleh menyebabkan guru pelatih digagalkan daripada Latihan Mengajar kerana tidak hadir ke sekolah melebihi hari yang ditetapkan. Guru pelatih sepatutnya memperuntukkan tempoh sepanjang Latihan Mengajar untuk melatih diri melakukan PdP dan menyertai aktiviti sekolah.

Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kuantitatif kerana memerlukan data responden kalangan guru pelatih Pendidikan Islam UPSI daripada semester 7. Kaedah ini dapat membantu mengumpulkan data berkaitan guru pelatih yang telah menjalankan Latihan Mengajar. Dalam kaedah ini, pengkaji

menyebarkan borang soal selidik kepada responden untuk mengumpul data diperlukan dalam kajian.

Antara data yang diperlukan adalah berkaitan keterampilan dan keperibadian Guru Pelatih Pendidikan Islam ketika menjalani Latihan Mengajar LM di sekolah. Pengkaji juga mengkaji keupayaan dan minat Guru Pelatih Pendidikan Islam dalam menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran. Pengkaji mengkaji penguasaan Guru Pelatih Pendidikan Islam dalam pengurusan pembelajaran.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sebagai seorang mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris UPSI mengambil bidang Pendidikan Islam perlulah menjalani pengajian selama 8 semester serta menjalankan praktikal bagi meluluskan pengajian. Dalam pengajian, mahasiswa mengambil bidang Pendidikan Islam didedahkan dengan subjek-subjek Pengajian Islam, Pendidikan, Elektif dan subjek Kokurikulum. Mahasiswa juga perlu menjalani praktikal seperti Program Perantis Guru PPG dan Latihan Mengajar LM.

Mahasiswa yang menjalani PPG dan LM boleh dikenali sebagai guru pelatih. Praktikal ini penting diperlukan guru pelatih sebagai persediaan awal menjalani alam persekolahan. Guru pelatih perlu mengetahui tugas-tugas yang perlu dilaksanakan



supaya dapat menjalankan tanggungjawab dengan sebaiknya. Berdasarkan kajian lepas, terdapat guru yang melanggar tatasusila perguruan menyebabkan terjejasnya status guru tersebut. Hal ini perlunya guru pelatih membentuk keterampilan dan keperibadian yang mulia supaya mewujudkan persekitaran harmoni antara guru, murid dan masyarakat.

Seterusnya, pengukuhan pengetahuan amat penting kalangan guru pelatih sebagai persediaan menjalankan Pengajaran dan Pembelajaran PdP sesuatu topik diajarkan kepada murid-murid. Dalam pengajian, Guru pelatih Pendidikan Islam didedahkan dengan subjek pengajian Islam seperti Ulum Hadis, Usul Tafsir serta Fiqh Muamalat dan Munakahat. Tambahan pula, ilmu pengetahuan dapat diperkukuhkan di luar pengajian dengan cara mengikuti kursus, mendengar kuliah atau ceramah dan membuat rujukan ilmiah. Guru pelatih perlulah sentiasa memupuk minat dan berusaha menambah ilmu pengetahuan untuk membina keyakinan dan menyampaikan topik diajarkan dengan benar.

Guru pelatih juga perlulah menguasai Pengajaran dan Pembelajaran PdP dengan baik supaya dapat berjalan dengan lancar. Berdasarkan kajian lepas, terdapat guru yang masih tidak dapat melaksanakan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) dengan baik kerana terlalu mengejar sukatan pelajaran. Dalam PdP, guru perlulah sesuaikan dengan sesuatu topik yang diajar dan kemampuan murid. Sebagai contohnya, guru melaksanakan aktiviti Role-Play bagi topik Adab Terhadap Orang Sakit untuk menarik minat murid belajar serta menambahkan kefahaman mereka.





Berdasarkan kajian tentang persediaan kualiti diri guru pelatih Pendidikan Islam UPSI dapat dikaitkan dengan Model Guru Pendidikan Islam iaitu konsep lima mim seperti Mudarris, Muallim, Muaddib, Murabbi dan Mursyid. Abdul Hakim Ramli (2020) mengatakan model ini dapat melahirkan guru yang kreatif, inovatif serta berupaya menggunakan kaedah pengajaran dan pedagogi kandungan yang bersesuaian bukan sahaja mampu memberi kesan positif terhadap prestasi pelajar, bahkan dapat menjana pemikiran yang kritis dan kreatif, mewujudkan suasana pembelajaran yang ceria dan menggalakkan pelajar untuk menguasai ilmu ke arah penghayatan yang lebih sempurna, seterusnya menyumbang kepada pembentukan akhlak murid yang lebih baik.



1.3 Pernyataan masalah

Dalam kajian Azhar Muhammad dan Siti Maisarah Bahrin mengatakan masalah yang sering timbul ketika Guru Pelatih Pendidikan Islam GPPI menjalani Latihan Mengajar LM ialah kekurangan pengetahuan untuk disampaikan kepada para pelajar. Kebanyakan GPPI masih menggunakan buku teks semata-mata tanpa mengaitkan isi pelajaran dengan keadaan semasa yang berlaku. Selain itu, kurangnya kesediaan GPPI menjalani LM semasa di tahun 3 semester 1. Pada masa ini, kematangan GPPI masih kurang kerana GPPI masih baru dan banyak perkara yang belum dipelajari.





Seterusnya, kajian Baharin Abu dan Suzana Mamat @ Muhammad mengatakan terdapat guru-guru yang masih melanggar tatasusila perguruan yang sememangnya harus dielakkan bagi yang menjawab jawatan professional. Menurut Nor Hasnida dan Effendi (2014), pembangunan guru dalam profesionnya dapat menambah ilmu, kemahiran dan sikap sebagai ahli akademik untuk mencapai kecemerlangan diri dan masyarakat. Kajian oleh Norazlinda dan Surendran (2019) berkenaan kelestarian pembangunan profesionalisme guru dalam pembelajaran sepanjang hayat mendapati bahawa latihan dan pembangunan profesionalisme amat penting bagi membantu meningkatkan prestasi pengajaran guru seterusnya menjamin kerjaya yang lebih berkualiti. Persiapan sebagai guru perlu dibekali dengan ilmu pengetahuan. Hal ini demikian kerana profesionalisme perguruan memerlukan seseorang guru tersebut mempelajari sepanjang hayat. (Nur Hidayah Hisham, 2021)



Selain itu, cabaran PdP abad ke-21 memberikan satu tamparan besar kepada bakal guru. Oleh itu, persiapan yang rapi dari segi mental dan fizikal perlu dilakukan sebelum memasuki arena pendidikan. Salah satu perkara utama yang harus dilakukan adalah menanamkan rasa minat yang mendalam sebagai pendidik. Nescaya dengan adanya minat tersebut, segala beban yang digalas pasti dapat diatasi. Ciri-ciri penting yang perlu ada atau dimiliki oleh setiap guru mahupun bakal guru ialah minat yang penuh terhadap keseluruhan tugasnya baik di sekolah mahupun melibatkan warga luar sekolah (Sidek, 2011). Hasil kajian oleh Ros Eliana dan Norhanan (2017) tentang faktor minat guru pelatih dalam bidang perguruan pendidikan teknik dan vokasional menyatakan beberapa faktor yang mendorong minat guru pelatih dalam dunia perguruan. Antaranya ialah pengalaman guru pelatih di sekolah berjaya mempengaruhi minat terhadap kerjaya guru, terinspirasi dengan guru mereka, hendak





memakai baju seperti guru mengidolakan guru sejak sekolah, rasa ingin membantu murid-murid yang tidak minat belajar dan sebagainya. Jelasnya, hasil dapatan kajian ini memberikan gambaran jelas bahawa minat terhadap profesion perguruan ini mendorong pemilihan kerjaya sebagai guru. (Nur Hidayah Hisham, 2021)

Di samping itu, Zuhaili Mohd dan Ramlee (2017) mengatakan isu berkenaan guru dibebani dengan tugas-tugas tambahan yang memberikan tekanan kepada guru turut menjadi bualan. Peningkatan beban tugas dalam tempoh waktu yang terbatas dan kekurangan sumber menyebabkan ramai guru membuat keputusan memilih bidang pekerjaan yang lain (Crotwell, 2011). Peranan guru sebagai pendidik bukan sahaja perlu melaksanakan tugas hakiki iaitu, mengajar di dalam kelas, bahkan juga menguruskan aktiviti kokurikulum, hal ehwal murid, pentadbiran dan pengkeranian serta kerja-kerja tambahan lain yang perlu dibuat mengikut keperluan semasa. (Nur Hidayah Hisham, 2021)

Selain itu, hasil kajian yang dijalankan oleh Norashid dan Hamzah (2014), tentang beban tugas dan motivasi pengajaran guru di sekolah menengah Daerah Ranau mendapati beban tugas guru dibahagikan kepada dua, iaitu aspek akademik dan bukan akademik. Beban tugas akademik dikelaskan pula kepada tiga komponen, iaitu tugas mengajar harian, tugas pelajar dan tugas ujian serta peperiksaan. Bagi beban tugas bukan akademik pula dibahagikan kepada urusan pentadbiran, pengurusan hal ehwal pelajar dan urusan kokurikulum. (Nur Hidayah Hisham, 2021)



Banyak isu yang diamukkan dalam dunia sekarang melibatkan persoalan etika. Oleh itu, tidak dinafikan bahawa golongan pendidik turut menjadi sasaran kepada kritikan masyarakat sejak akhir-akhir ini. Komitmen golongan ini sering dipersoalkan seolah-olah mereka tidak menjalankan tugas dengan seperti mana yang diarahkan. Apabila banyak isu yang dibangkitkan menyebabkan beberapa pihak menganggap bahawa masalah ini berpunca daripada etika guru tersebut. Hal ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Nurlina et al. (2018) mengenai etika dan tanggungjawab pendidik dalam profesion perguruan dan cabaran pendidik masa kini. Jika diperhatikan profesion perguruan sudah lagi tidak digilai oleh masyarakat kerana kekangan-kekangan yang dihadapi pada masa kini. Terdapat juga ramai guru yang mula mengeluh dengan beban tugas yang semakin bertambah. Hal ini menyebabkan ramai guru yang memohon persaraan awal kerana faktor tekanan kerja dan perasaan ketidakpuasan hati dalam bekerja dalam kalangan guru. (Nur Hidayah Hisham, 2021)

Chaudhry et al. (2011) mendapati terdapat hubung kait antara beban tugas dengan tingkat prestasi kerja. Penambahan beban tugas mengakibatkan guru berasa tidak bersemangat dan secara tidak langsung mencacatkan prestasi kerja guru tersebut. Hasil kajian yang dilakukan oleh Evonne et al. (2018) mendapati sekolah yang mempunyai keadaan persekitaran yang baik menyumbang kepada kemenjadian pencapaian pelajar. Kejayaan ini dikaitkan dengan sumbangan guru yang menunjukkan prestasi kerja yang baik hasil dorongan persekitaran tempat kerja. Hal ini secara tidak langsung akan menjejaskan kualiti pendidikan dan profesion perguruan seterusnya membantutkan usaha melahirkan warganegara yang cemerlang dalam sudut pendidikan. (Nur Hidayah Hisham, 2021) Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk



melihat persediaan kualiti diri guru pelatih Pendidikan Islam Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bagi memenuhi keperluan model guru Pendidikan Islam.

1.4 Kerangka Teoritikal


Terdapat konsep lima Mim dalam Model Guru Pendidikan ialah Mudarris, Muallim, Muaddib, Murabbi dan Mursyid. Kajian ini memfokuskan model guru Pendidikan Islam untuk membentuk guru yang berkualiti dan berprofesional. Abdul Hakim Ramli (2020) mengatakan mudarris ialah seorang guru atau Guru Pendidikan Islam GPI khususnya yang berjaya menampilkan diri sebagai seorang tenaga pengajar yang cemerlang berdasarkan kepada lima ciri penting iaitu keperibadian, kaedah pengajaran yang berkesan, berjaya mewujudkan suasana pengajaran bilik darjah yang kondusif dan cekap dalam melakukan keputusan profesional. Mu'allim pula merujuk kepada tugas guru sebagai penyampai maklumat, disiplin dan ilmu pengetahuan kepada pelajar. Seterusnya, guru sebagai murabbi iaitu meliputi tugas guru sebagai pendidik dan penjaga pelajar dalam usaha mengekalkan keadaan fitrah pelajar dengan penuh kasih sayang. Selain itu, guru turut berperanan sebagai mu'addib iaitu peranan guru selaku pembimbing akhlak pelajar berdasarkan nilai ta'dib yang disarankan dalam Quran dan Sunnah dan akhirnya Mursyid. Guru sebagai Mursyid menjelaskan peranan guru dari sudut kepimpinan guru di dalam kelas yang merujuk kepada ciri kepimpinan Rasulullah S. A.W.





Hal ini elemen Mudarris dapat dikaitkan kajian iaitu membentuk keterampilan dan keperibadian guru pelatih sepanjang Latihan Mengajar di sekolah. Bagi elemen Mu'allim dapat ditumpukan kepada keupayaan dan minat Guru Pelatih Pendidikan Islam dalam menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran. Seterusnya, elemen Murabbi dapat dikaitkan keprihatinan guru pelatih terhadap masalah murid. Elemen Mu'addib dapat dikaitkan guru pelatih sebagai contoh kepada murid-murid dalam membentuk keperibadian yang mulia. Dalam elemen Mursyid dapat dikaitkan penguasaan guru pelatih dalam pengurusan pembelajaran dalam kelas.

Rajah 1.1 : Kerangka teori kajian





1.5 Objektif Kajian

Kajian ini adalah untuk menilai dan mengenal pasti persediaan kualiti diri guru pelatih Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) Universiti Pendidikan Sultan Idris UPSI. Objektif kajian ialah:

- i. Menenal pasti keterampilan dan keperibadian Guru Pelatih Pendidikan Islam ketika menjalani Latihan Mengajar (LM) di sekolah.
- ii. Mengkaji keupayaan dan minat Guru Pelatih Pendidikan Islam dalam menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran.
- iii. Menilai penguasaan Guru Pelatih Pendidikan Islam dalam pengurusan pembelajaran.



1.6 Soalan Kajian

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

- a. Apakah persediaan guru pelatih dari segi keterampilan dan keperibadian diri semasa Latihan Mengajar (LM) di sekolah?
- b. Sejauh manakah keupayaan dan minat guru pelatih dalam menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran?
- c. Adakah guru pelatih dapat menguasai pengurusan pembelajaran dengan baik?





1.7 Kepentingan Kajian

Hasil kajian diharapkan dapat membantu guru-guru pelatih dalam membuat persediaan sebelum menjalani praktikum atau latihan mengajar, khususnya bagi subjek Pendidikan Islam. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat menjadi rujukan buat guru-guru Pendidikan Islam agar dapat membuat penambahbaikkkan dalam diri menjadi insan yang berguna kepada masyarakat. Dalam kajian ini, guru dapat membuat persediaan dalam membentuk keperibadian yang mulia seperti memakai pemakaian mengikut etika perguruan dan melaksanakan tugas yang ditetapkan pihak sekolah. Guru juga perlu menambahkan pengetahuan supaya dapat membantu murid-murid memahami sesuatu topik dipelajari dengan baik. Guru perlu menguasai dalam Pembelajaran dan Pengajaran PdP supaya dapat berjalan dengan lancar.

1.8 Batasan kajian

Kajian ini menumpukan kepada guru pelatih mengambil program Ijazah Sarjana Muda (Pendidikan) Pendidikan Islam dengan Kepujian, semester 7 yang telah menjalani Latihan Mengajar 1 LM1 daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris UPSI. Faktor





jantina, kelulusan akademik, jumlah waktu pengajaran dan keputusan gred LM1 mungkin mempengaruhi kajian. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu mengumpulkan data-data berkaitan guru pelatih Pendidikan Islam yang telah menjalani LM1. Data kuantitatif dikumpul menggunakan borang soal selidik secara atas talian iaitu Google Form.

1.9 Definisi Istilah

1.9.1 Persediaan



Persediaan mengikut Dewan Bahasa dan Pustaka (2000) bermaksud ‘perbuatan’ menyediakan atau menyiapkan. Persediaan dalam definisi kajian ini dimaksudkan ialah perbuatan guru-guru pelatih semester 7 yang telah menjalani Latihan Mengajar 1 LM1 daripada program Ijazah Sarjana Muda (Pendidikan) Pendidikan Islam dengan Kepujian, Universiti Pendidikan Sultan Idris UPSI untuk menyiapkan diri mereka dalam menghadapi alam perguruan selepas menamatkan pengajian.





1.9.2 Guru pelatih

Guru pelatih menurut Kamus Dewan (2000) ialah pelajar-pelajar di maktab perguruan yang bakal menjadi guru. Guru pelatih dalam definisi kajian ini dimaksudkan ialah bakal guru yang diwajibkan menjalani latihan mengajar untuk tujuan mendedahkan mereka tentang tugas, tanggungjawab dan peranan seorang guru di sekolah. Guru pelatih yang difokuskan di sini ialah mahasiswa program Ijazah Sarjana Muda (Pendidikan) Pendidikan Islam dengan Kepujian, Universiti Pendidikan Sultan Idris UPSI daripada semester 7 yang telah menjalani Latihan Mengajar 1 LM1.



1.9.3 Pendidikan Islam

Pendidikan Islam ditakrifkan sebagai proses menerapkan nilai-nilai Islam dan merealisasikan hasilnya dalam bidang pembinaan insan, pembentukan dan pemasyarakatannya mengikut dasar-dasar yang digariskan oleh Allah serta membentuk sikap dan tingkah laku seseorang. Dalam erti kata yang lain, Pendidikan Islam juga boleh dianggap sebagai gagasan konsep yang mengandungi langkah-langkah dan kaedah-kaedah ilmiah yang dibawa oleh Islam bagi menjamin pembentukan peribadi yang sesuai dengan akidah Islam (Zawawi Hj. Ahmad, 1990). Pendidikan Islam merupakan proses mendidik, melatih akliyah, jasmaniah dan rohaniah





manusia berasaskan nilai-nilai Islamiah yang bersumberkan wahyu al-Quran dan al-Sunnah bagi melahirkan manusia yang bertaqwa dan mengabdikan diri semata-mata kerana Allah (Ahmad Mohd Salleh, 2003). Pendidikan Islam dalam definisi kajian ini dimaksudkan ialah merupakan mata pelajaran yang diajar oleh guru pelatih Pendidikan Islam UPSI di sekolah semasa tempoh latihan mengajar.

1.9.4 Latihan Mengajar

Latihan menurut Kamus Dewan (2000) ialah aktiviti yang dilakukan secara berulang kali khusus untuk mengasah kemahiran atau membiasakan diri dengan sesuatu perkara. Mengajar pula ialah menyampaikan ilmu pengetahuan kepada orang lain, mendidik, melatih dan memberikan petunjuk. Latihan Mengajar dalam definisi kajian ini dimaksudkan ialah aktiviti pekerjaan yang sebenar yang perlu dilakukan oleh mahasiswa program Ijazah Sarjana Muda (Pendidikan) Pendidikan Islam bagi tempoh tertentu untuk tujuan pendedahan ke alam pekerjaan yang sebenar dalam perguruan.

1.9.5 Kualiti diri

Kualiti menurut Kamus Dewan (2000) ialah darjah kecemerlangan biasanya yang tinggi. Kualiti merupakan kayu pengukur dalam memberi penilaian terhadap sesuatu



perkara. Secara asalnya, kualiti diambil daripada perkataan qimatun atau nau'iyat bermakna kualiti atau kecemerlangan. (Muhammad Asyraf Mohd Adzhar & Norfariza Mohd Radzi, 2020)

1.10 Penutup

Secara kesimpulannya dapat dilihat daripada permulaan kajian dalam merancang mencapai objektif kajian serta memberi panduan kepada guru-guru pelatih membuat persediaan menjadi guru yang berkualiti. Rujukan-rujukan berkaitan guru pelatih dan data-data yang dikumpul diperkukuhkan dalam kajian.